

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH JAWAPAN : -

SOALAN

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan **cara pengiraan 'capital contribution'** secara terperinci. Kenapa ada **beza harga antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah** dan nyatakan perbezaan 'capital contribution' ke atas kategori **perumahan dan hartanah** yang berlainan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Saya ingin menjelaskan bahawa *Capital contribution* atau Caj Sambungan Pengguna (*Consumer Connection Charge-CCC*) merupakan bayaran awal atau fi komitmen daripada pengguna bagi penyaluran bekalan elektrik yang dipohon daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Caj sambungan pengguna dikutip oleh syarikat utiliti di bawah Seksyen 27 kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].
2. Dalam konteks ini, terdapat perbezaan dalam kadar caj sambungan pengguna di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan kerana kadar caj dikira menggunakan formula yang berlainan. Bagi Semenanjung, caj sambungan pengguna dikira berdasarkan formula 25%:75% iaitu caj sambungan dikutip sebanyak 25% daripada pelanggan bagi menampung perbelanjaan modal bagi membangunkan infrastruktur sistem pembahagian (*distribution*) bekalan elektrik yang diperlukan untuk menyalurkan bekalan elektrik kepada pengguna manakala bakinya sebanyak 75% ditampung menerusi tarif elektrik.
3. Bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pula, caj sambungan pengguna dikira berdasarkan kos bagi membangunkan infrastruktur untuk menyalurkan bekalan elektrik kepada pengguna. Dalam hal ini, Kerajaan telah bersetuju mengurangkan kadar caj sambungan daripada 100% kepada 50% daripada kos pembangunan infrastruktur kepada pelanggan yang layak bermula pada 1 Januari 2012 bagi meringankan beban pelanggan di Sabah. Manakala

baki 50% tersebut akan ditanggung oleh pihak SESB (bagi projek yang dijalankan oleh pihak SESB sahaja).

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Caj sambungan pengguna di Semenanjung dikenakan berdasarkan Buku Kenyataan Cas Sambungan yang diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 1995. Kadar caj tersebut masih dikekalkan sehingga kini termasuklah kepada rumah kediaman iaitu RM450/unit bagi rumah satu (1) fasa talian atas dan RM750/unit bagi rumah tiga (3) fasa talian atas.

5. Caj sambungan pengguna di Sabah pula, termasuklah bagi projek-projek hartanah, ditentukan dan dikira berdasarkan kos projek yang mengambil kira 4 komponen utama iaitu:

- (i) kos projek (meliputi kos bahan mentah, buruh);
- (ii) caj pembangunan (bagi membiayai sebahagian kos penjanaan & penghantaran elektrik);
- (iii) yuran proses sebanyak RM100; dan
- (iv) caj pengezonan (melibatkan peningkatan sistem - *system upgrading*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] meminta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan pendapatan Kerajaan yang dikutip daripada sektor pengeluaran kelapa sawit dari tahun 2011 hingga 2015 mengikut pecahan negeri, jumlah tan pengeluaran dan pendapatan yang dikutip.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Minyak Sawit Malaysia mengutip ses dari industri sawit sebanyak RM13.00 bagi setiap tan minyak sawit mentah dan minyak isirung sawit mentah yang dihasilkan. Ses ini digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, promosi serta penstabilan harga minyak sawit.

Jumlah hasil kutipan ses dari industri sawit dari tahun 2011 hingga 2015 berjumlah RM1,399,761,974 berdasarkan pengeluaran minyak sawit mentah dan minyak isirung sawit mentah berjumlah 107,673,998 tan bagi tempoh tersebut. Jumlah hasil kutipan ses dari industri sawit mengikut pecahan negeri bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Pengeluaran (Tan Metrik)	Ses (RM)
1.	Johor	17,486,093	227,319,209
2.	Kedah	1,490,860	19,381,180
3.	Kelantan	1,363,802	17,729,426
4.	Negeri Sembilan	3,294,976	42,834,688
5.	Pahang	14,429,676	187,585,788
6.	Perak	10,802,960	140,438,480
7.	Selangor	5,160,543	67,087,059
8.	Terengganu	2,471,388	32,128,044
9.	Sabah	31,928,991	415,076,883
10.	Sarawak	17,236,348	224,072,524
11.	Lain-lain	2,008,361	26,108,693
Jumlah		107,673,998	1,399,761,974

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH**

KAWASAN : SANDAKAN

SOALAN:

Y.B TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH (SANDAKAN)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimana Kerajaan Persekutuan atau negeri membayar balik atau 'compensate' kepada Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. sebagai 'project delivery partner' dalam projek ini. Berapa peratus daripada kos keseluruhannya akan dibayar kepada syarikat tersebut. Kenapa ia tidak boleh dibina melalui JKR dan mestinya dibina melalui bidang swasta.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Perjanjian antara Kerajaan Pusat dengan Rakan Pelaksana Projek atau PDP bagi Lebuh Raya Pan Borneo Sabah telah ditandatangani pada 11 April 2016 yang lalu. Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP). Anggaran kos awal projek tersebut ialah sebanyak RM12.86 bilion, iaitu melibatkan jarak sepanjang 706km bagi fasa pertama. Keseluruhan kos projek ini ditanggung oleh Kerajaan Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PDP ini bukanlah sebagai kontraktor utama sebaliknya ia berperanan sebagai pengurus projek – iaitu sebagaimana kaedah model projek MRT Lembah Klang. Dengan perkataan lain PDP ialah sebagai ‘one stop accountability centre’ yang akan bertanggungjawab memastikan projek dapat disiapkan mengikut kos, kualiti, piawaian dan spesifikasi serta tempoh pembinaan yang dipersetujui Kerajaan. Manakala bayaran pula dibuat berdasarkan kepada harga kos yang dipersetujui semasa proses tender mengikut kemajuan fizikal di tapak projek, iaitu setelah ia disemak dan disahkan oleh jurutera perunding bebas (‘Independent Consulting Engineer’ – ICE).

Mengenai peranan dan fungsi Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam pelaksanaan projek ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melantik Kementerian Pembangunan Infrastruktur

Sabah sebagai Pengarah Projek dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah sebagai wakil Pengarah Projek. Sehubungan itu JKR turut bertanggungjawab untuk memantau pembinaan projek supaya dilaksanakan mengikut spesifikasi, terma dan syarat yang dipersetujui dalam perjanjian. Selain itu, Pengarah Projek atau wakil Pengarah Projek juga memainkan peranan penting bagi memastikan pemantauan dari aspek teknikal, tanah atau tapak projek, strategi dan kaedah perolehan dan lain-lain dipatuhi oleh syarikat PDP dilantik.

Kesimpulannya, kaedah pelaksanaan projek secara PDP ini akan membolehkan projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang dirancang mengikut kos yang ditetapkan. Selain itu ia juga dapat mengurangkan risiko yang sering dihadapi oleh projek-projek bersaiz besar dan rumit seperti penangguhan dan kos projek yang berlebihan, jika menggunakan kaedah konvensional iaitu reka dan bina.

Sekian, terima kasih.